







MALAM BUDAYA CIPTA

14 DEC 2021

PLATFORM

NT EXH

INCORP

EX
ONLINE



AYIE

ASIAN YOUNG INVENTORS
EXHIBITION

UNG
IBITION

facebook/ITEXMALAYS

ITEX TV

.my/blog



info@





UMP raih 19 pingat emas dianugerahkan ITEX Golden Award

16 December 2021

KUALA LUMPUR, 14 Disember 2021 - Universiti Malaysia Pahang (UMP) rangkul anugerah *ITEX Golden Award* atas kejayaan meraih 19 pingat emas, sembilan pingat perak dan dua pingat gangsa dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi & Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2021 yang berlangsung Kuala Lumpur Convention Centre.

Anugerah disampaikan Presiden Malaysian Invention and Design Society (MINDS), Tan Sri Augustine SH Ong kepada Profesor Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin yang menjalankan fungsi Naib Canselor UMP sempena Malam Budaya Cipta 2021.

Pingat emas diraih penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Ts. Norhaiza Ghazali dengan tajuk *Eco-Coal Crete: Waste-Less Earth, Lively Life*, penyelidik dari Kolej Kejuruteraan (KKEJ), Profesor Madya Ts. Dr Devarajan Ramasamy dengan kajian *Bio-Hybrid Engine Coolant*, penyelidik Pusat Sains Kemanusiaan (PSM), Profesor Madya Dr. Hasan Ahmad dengan tajuk *G-Gel (Halal Gelatin Alternative from Gallus Gallus Domesticus Produced by Lactic Acid Treatment Metho)* dan penyelidik Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKPP), Dr. Suriyati Salleh dengan tajuk *Go Green with Co-Torrefied Oil Palm (Co-Top) Pellet*.



Penyelidik Fakulti Pengurusan Industri (FPI), UMP, Dr. Diyana Kamarudin dianugerahkan pingat emas bagi kajian *Hear Me: Assistive Technology for The Deaf and Hearing Impaired*.

Beliau menghasilkan aplikasi *Hear Me* yang merupakan alat bantu mengajar buat guru dan pelajar yang mengalami masalah pendengaran untuk mempelajari Bahasa Melayu Kod Tangan (BMKT).

Manakala penyelidik Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, KKEJ, Ts. Dr. Mohd Azrul Hisham Mohd Adib turut menang pingat emas bagi kajian bertajuk *Physio-Walker (Phywalk) for Cerebral Palsy Kids*'.

Ciptaan ini membantu kanak-kanak yang menghadapi gangguan kebolehan mengawal kedudukan dan pengaktifan badan disebabkan kerosakan pada otak yang sedang berkembang atau lebih dikenali sebagai Palsi Cerebrum (*Cerebral Palsy*).

Sementara itu, bagi penyelidik, Dr. Ahmad Irfan Akmal Hisham dari PSM turut menang pingat emas hasil penyelidikan bertajuk "*I-Mawaqit: Comparative Prayer Time Zone Calculator*" dengan mencipta I-Mawaqit iaitu merupakan kalkulator waktu solat pancatitik.

ITEX 2021 RESULTS

	NAME OF RESEARCHER	TITLE OF PRODUCT	RESULTS
1	TS. NORHAZNA BHAZALI	ECO-COAL-CRTE: "SAKITS-LESS BIRTH, LIVELY LIFE"	GOLD
2	ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. DEIVARAJAN RAMANANJAY	BIO-HYBRID BINARY COOLANT	GOLD
3	ASSOCIATE PROFESSOR DR. HABAN AHMAD	S-GEL (KHALAL SELATAN ALTERNATIF DARI GALLUS GALLUS DOMESTICUS PRODUKSI DENGAN METODE PENYULFONAN)	GOLD
4	ASSOCIATE PROFESSOR DR. KHARUNISA MUTHUSAMY	ECO-CRMENT: "SAKITS THE MOTHER NATURE"	SILVER
5	DR. SURIYATI SALLEH	GO GREEN WITH CO-TORRIFIED OIL PALM (CO-TOF) PELLETT	GOLD
6	ASSOCIATE PROFESSOR DR. RAMADHANSYAH PUTRAJAYA	SEASHELL POROUS ASPHALT: SUSTAINABLE ROAD CONSTRUCTION	GOLD
7	ASSOCIATE PROFESSOR DR. RAMADHANSYAH PUTRAJAYA	HIGH EARLY STRENGTH PRECAST CONCRETE (HES-PC)	GOLD
8	DR. SYIFAK IZHAR HISHAM	Deaf 2.0: OBESITY MONITORING SYSTEM AND APPLICATION 2.0	GOLD
9	DR. RAJALETCHUMY VELOO KUTTY	ANTIMICROBIAL HERBAL HAND WASH	GOLD
10	TS. DR. MOHD AZRUL HISHAM MOHD ADB	PHYSIO-WALKER (PhysiWalk) FOR CEREBRAL PALSY KIDS	GOLD
11	DR. DIVYAKA KAMARUDEEN	HEAR ME: ASSISTIVE TECHNOLOGY FOR THE DEAF AND HEARING IMPAIRED	GOLD
12	DR. AHMAD IRHAN BIN NOBIL HISHAM	IKHWAZIT: COMPARATIVE PRAYER TIME ZONE CALCULATOR	GOLD
13	DR. MOHD. SUHARDI BIN MAT JUSOH	6-MODUL LATHAM TOKTAM AL-SAFI (6-MILT)	GOLD
14	ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AISHAH BINTI ABU BAKAR	THE TWO-STEP ONLINE EXAMINATION INTEGRITY APPROACH	GOLD

15	DR. NOOR SURAYA BINTI ROMALI	ENVIROOP: FOR SUSTAINABLE STORMWATER MANAGEMENT	GOLD
16	ASSOCIATE PROFESSOR TS. IR. DR. KUMARAN KADIRGAMA	SUPERPOWER COOLANT FOR ENERGY STORAGE SYSTEM	GOLD
17	ASSOCIATE PROFESSOR DR. MD. MAKSUDUR RAHMAN KHAN	GREEN HYDROGEN PRODUCTION FROM PETROCHEMICAL WASTEWATER	GOLD
18	ASSOCIATE PROFESSOR IR. DR. MOHD HAFIZI BIN ZOHARI	FIBER BRAGG GRATING GAP SENSOR FOR CRITICAL FLANGE MONITORING	GOLD
19	CHRM. DR. IMAN NURFAZLHA WAN ISMAIL	GET DRY: GET DRY WITH NANO WATERPROOF SPRAY	SILVER
20	DR. MOHD IZHAM BIN MOHD LAYLA	TRACK ME: A GEOFENCE ALERTS APPLICATION WITH GPS TRACKING FOR CHILDREN MONITORING	BRONZE
21	ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. ABDULRAHMAN AHMED ALSEWARI	HKAS: A NOVEL COMBINATORIAL TEST LIST GENERATOR	GOLD
22	DR. SENTHIL KUMAR	PREDICTING MICROFINANCE LOAN DEFAULT	SILVER
23	ASSOCIATE PROFESSOR DR. ADUS BETTER EDY SUTAPTO	HIGH STRENGTH BENT CERAMIC BALLS FOR CATALYST SUPPORT MEDIA	SILVER
24	CHM. DR. NURULIN ABU SAMAH	BORN: ARSENIC REMOVAL ADDITIVE	SILVER
25	DR. NORIDA BINTI RIDZUAN	SAGA COPOLYMER WAX INHIBITOR (Stearyl Acrylate-co-Gelanyl Acrylate)	GOLD
26	DR. SITI ZAMARAH SAFARI	PREDICTIVE CALCULATOR FOR EARLY DETECTION OF SYNERGIC ORAL DYSPLASIA	SILVER
27	ASSOCIATE PROFESSOR DR. NURHAKIKI ROSLI	PANDEMIC PREPAREDNESS SIMULATION TOOL	SILVER
28	DR. WAHED JABAR	DIGITAL VERIFICATION SYSTEM FOR COVID-19 TEST CERTIFICATES (DVAIIC-COVID-19)	SILVER
29	DR. NORHAZLIZA SULAIMAN	DEVELOPMENT OF ROBUST BREAST CANCER DIAGNOSIS TECHNIQUE BASED ON BIO-INSPIRED ALGORITHM	BRONZE
30	ASSOCIATE PROFESSOR DR. HAZRUL RIDZAWATI BR ABD HAMID	Deer4-05	SILVER

Tutut sama dianugerahkan pingat emas adalah Profesor Madya Dr. Ramadhansyah Putrajaya, Dr. Syifak Izhar Hisham, Dr. Rajaletchumy Veloo Kutty, Dr. Mohd. Suhardi Mat Jusoh, Profesor Madya Ts. Dr. Aishah Abu Bakar, Dr. Noor Suraya Romali, Profesor Madya Ts. Ir. Dr. Kumaran Kadirgama, Profesor Madya Dr. Md. Maksudur Rahman Khan, Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Hafizi Zohari, Profesor Madya Ts. Dr. Abdulrahman Ahmed Alsewari dan Dr. Norida Ridzuan.

Dalam pada itu, menurut Profesor Dato' Ts Dr Yuserrie, dalam era pandemik ini penganjuran ITEX kini beralih ke model hibrid pameran secara talian dan fizikal.

“Namun situasi ini bukan merupakan halangan buat para penyelidik mempamerkan hasil kajian mereka.

“Saya ingin merakamkan penghargaan tahniah buat penyelidik UMP dan teruslah menghasilkan kajian yang berimpak.

“Selain memastikan penyelidikan yang berkualiti, UMP memberi fokus kepada kumpulan produk inovasi yang dapat memberi manfaat masyarakat dan komuniti dunia,” katanya.

Seiring dengan Pelan Strategik UMP 2021-2025 bertemakan ‘Teknologi Untuk Masyarakat’, UMP

komited menggalakkan penghasilan pembangunan produk dan menyediakan penyelidikan melibatkan pihak industri dalam penghasilan teknologi aras tinggi yang akan memberi sumbangan kepada komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial (*social enterprise*).

Disediakan oleh: Mimi Rabita Abdul Wahit Unit Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor (PNC)

TAGS / KEYWORDS

[ITEX Golden Award](#)

- 371 views

[View PDF](#)